

Malaysia pertikai tindakan Amerika

BH-14/6/2007

Tuduhan gagal tangani isu dagang manusia tak wajar

Oleh Abdul Razak Raaff

KUALA LUMPUR: Malaysia mempertikaikan tindakan Amerika Syarikat (AS) menyenaraikannya sebagai antara 16 negara yang mempunyai rekod paling buruk dalam menangani isu perdagangan manusia dan menyifatkan ia sebagai tidak wajar.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata tindakan Jabatan Negara AS memasukkan Malaysia dalam kelompok paling bawah senarai hitam Laporan Perdagangan Manusia, yang dikeluarkan di Washington, semalam, adalah tidak berasas.

"Kita tak perlu beri reaksi terhadap pengumuman senarai itu kerana ia langsung tidak mengambil kira apa yang sudah kita lakukan selama ini (untuk memperbaiki keadaan itu)," katanya ketika dihubungi *Berita Harian*, di sini, semalam.

Sehubungan itu, beliau menolak sebarang ancaman mengenai kemungkinan Kuala Lumpur akan dikenakan sekatan oleh Washington berhubung perkara itu kerana Malaysia membuktikan kewibawaannya kepada masyarakat antarabangsa dalam menangani isu perdagangan manusia.

"Tindakan AS memasukkan Malaysia dalam senarai itu adalah satu penghakiman yang dibuat tanpa mengambil kira kedudukan sebenar dan Washington tidak berhak menjadi penyiasat, pendakwa dan hakim terhadap mana-mana negara lain.

"Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas merdeka mempunyai peraturan dan undang-undangnya. Kita juga mempunyai undang-undang yang dapat membezakan antara mereka yang menyeludup masuk dan mengambil tindakan terhadap pendatang tanpa izin.

"Tindakan kita sentiasa dibuat de-

ngan mengambil kira hak asasi manusia dan dikenakan hanya terhadap mereka yang melanggar peraturan atau melakukan kesalahan. Kita mampu mentadbir negara kita dengan berkesan," katanya.

Beliau menegaskan, Kuala Lumpur juga tidak perlu menghantar bantahan rasmi ke Washington mengenai perkara itu atau mendapatkan laporan penuh mengenainya daripada pejabat Kedutaan Malaysia di Amerika Syarikat.

Laporan Perdagangan Manusia itu meletakkan Malaysia dalam kelompok sama dengan Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar, Algeria, Guinea, Myanmar, Iran, Cuba, Korea Utara, Arab Saudi, Sudan, Syria, Uzbekistan dan Venezuela yang disifatkan mempunyai rekod buruk perdagangan manusia.

Negara yang diletakkan dalam senarai itu berdepan kemungkinan dikenakan sekatan, termasuk untuk